

Integrasi Fiberail, Petrofibre selesai September

Oleh AMRAN AHMAD

KUALA LUMPUR 23 Julai - Fiberail Sdn. Bhd. (Fiberail) yakin proses integrasi syarikat itu dengan Petrofibre Network (M) Sdn. Bhd. (Petrofibre) selesai hujung suku ketiga tahun ini bagi membolehkannya memulakan tinjauan penyenaian di Bursa Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Fiberail, N. Balasingam (**gambar**) berkata, proses integrasi tersebut akan mewujudkan sinergi bagi pemilik gentian optik kedua terbesar tempatan itu ke arah menguasai sebahagian besar pasaran jalur lebar di negara ini.

"Dengan sinergi yang wujud, Fiberail mampu menawarkan perkhidmatan gentian jalur lebar yang lebih berkualiti pada harga lebih rendah kepada orang ramai menerusi kerjasama dengan beberapa pemaju hartanah tempatan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Fiberail, firma usaha sama Telekom Malaysia Bhd. (TM), KTMB Bhd. dan Petrofibre dengan masing-masing menguasai pegangan 54 peratus, 36 peratus dan 10 peratus itu memiliki rangkaian gentian optik sepanjang 4,000 kilometer (km) dengan 1,600 km di sepanjang landasan keretapi milik Fiberail dan 1,400 km lagi milik Petrofibre di sepanjang saluran gas milik Petronas.

Difahamkan, TIME dotCom Bhd. ada-

lah pengendali rangkaian gentian optik terbesar di Malaysia dengan aset sepanjang kira-kira 5,000 km.

Fiberail membeli Petrofibre dengan harga RM101.9 juta pada bulan Februari lalu.

Balasingam berkata, pihaknya akan memulakan proses tinjauan dan potensi penyenaian syarikat itu di Bursa Malaysia selewat-lewatnya pada tahun hadapan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pemaju hartanah di Lembah Klang, Selangor dan Perak mengenai tawaran pembekalan kabel jalur lebar ke kawasan pembinaan yang dimajukan.

Ditanya mengenai kos pembekalan kabel jalur lebar itu di satu-satu kawasan perumahan, katanya, pihak pemaju hartanah perlu membayar RM800,000 setahun untuk keupayaan membekalkan teknologi jalur lebar itu kepada 5,000 kediaman dan kemudiannya mengalihkan kos itu kepada pengguna mengikut model perniagaan masing-masing.

"Bbagaimanapun, kos pembekalan kabel jalur lebar itu akan menjadi jauh lebih rendah jika pemasangan kabel berkenaan

dilakukan semasa proses pembinaan ber langsung kerana Fiberail dapat menjimatkan masa operasi," jelasnya.

Kerjasama dengan pemaju hartanah itu diharap dapat membantu usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap penembusan jalur lebar di negara ini kepada 13 peratus menjelang tahun 2010, berbanding 1.9 peratus pada masa ini, tambahnya.

Ditanya mengenai perbelanjaan modal yang perlu ditambah berikutan rancangan pembekalan kabel jalur lebar ke kawasan perumahan, ujar beliau, ia tidak perlu kerana rangkaian gentian optik yang dimiliki terutama selepas selesainya proses integrasi itu adalah mencukupi.

Fiberail mampu menawarkan perkhidmatan gentian jalur lebar yang lebih berkualiti pada harga lebih rendah kepada orang ramai

N. BALASINGAM
Ketua Pegawai
Eksekutif Fiberail

